

# Agensi pembantu rumah tidak boleh lepas tangan

**Saudara Pengarang,**

KUSIAH Manijan, salah seorang pembantu rumah dari Indonesia mengalami kecederaan parah dan tengkorak kepalanya retak selepas dipukul oleh isteri majikan dengan seketul batu.

Saya tidak tahu apa pegangan yang dianuti oleh isteri majikan itu sehingga tergamak untuk memukul manusia yang selama ini mencuci pakaian, mengemas rumah, memasak dan menjadi 'kuli' bergaji di rumahnya. Itu satu contoh di antara berpuluh-puluh penderaan ke atas pembantu rumah dari negara asing.

Saya bukanlah mahir dalam bidang undang-undang, tetapi sebagai seorang warga Malaysia yang prihatin adalah perlu untuk memberi cadangan mengatasi masalah ini melalui saluran keempat, iaitu akhbar. Antaranya;

● Pembantu rumah yang beragama Islam tidak dibenarkan bekerja dengan majikan yang bukan beragama Islam. Pada 17 Februari lalu, akhbar mendedahkan kes rogol oleh majikan ke atas pembantu rumah berusia 18 tahun yang sebelum ini tidak dibenarkan berpuasa dan menunaikan ibadat solat, dipaksa makan daging khinzir, serta disuruh membasuh anjing adalah satu perbuatan menghina orang Islam.

## Melindungi

Majikan juga perlu menandatangani satu surat sumpah untuk menjaga, melindungi, menjamin keselamatan, dibenarkan beribadat dan kemudahan asas yang lain kepada pembantu rumah yang beragama Islam jika mereka mahu mengambilnya sebagai orang gaji.

● Agensi-agensi yang mengendalikan segala urusan berkenaan pembantu rumah asing perlu mengadakan rondaan atau membuat penilaian daripada majikan dan pekerja seberapa kerap yang boleh.

Agensi tersebut jangan pula lepas tangan dalam hal ini selepas mengumpul wang daripada pekerja majikan. Dengan cara ini juga pekerja terasa terjamin dan jika berlaku sebarang penderaan, urusan ini boleh dicegah dengan segera.

Undang-undang berperanan memastikan majikan tidak menjadikan pembantu rumah asing sebagai kuli firaun dengan tidak membayar upah kepada mereka. Akta Pampasan Pekerja 1966 tidak hanya untuk membayar wang oleh majikan kepada pekerja yang didera, tetapi undang-undang susulan daripada perlu dibuat.

Katakan seorang pembantu rumah tempatan dipukul oleh majikan, hendaklah undang-undang yang sama digunakan untuk pembantu rumah asing tanpa mengira perbezaan kewarganegaraan.

Saya keliru dengan agensi yang menawarkan perkhidmatan pembantu rumah kepada majikan. Apabila kes-kes didedahkan oleh media massa tentang hal ini, nampaknya agensi tersebut lepas tangan sahaja dan yang nampak hanya kesalahan oleh majikan sahaja. — **NORJIMI, Pulau Pinang.**